juga telah merujuk kepada kes *Cocoa Processors Sdn. Bhd. lwn. United Malayan Banking Corporation Bhd. & Ors.* (No. 2) [1988] 3 MLJ 497. Encik Lloyd Fernando semasa membantah permohonan berkata dalam kes sekarang akujanji yang diberi tidak cukup. Oleh itu defendan akan mengalami dua kali kerugian iaitu tidak boleh menyewakan premis dan jika menang rayuan tidak akan dapat wangnya.

Berdasarkan fakta dan keadaan kes ini, saya berpendapat bahawa imbangan kesesuaian (balance of convenience) adalah memihak kepada pihak defendan. Juga kes ini adalah satu kes dimana gantirugi merupakan remedi yang sesuai dan mencukupi. Oleh yang demikian saya telah menolak permohonan plaintif.

OVERSEA-CHINESE BANKING CORPORATION LIMITED

lwn.

TAN LOON SWAN

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' HAJI ABU MANSOR BIN ALI H.
[SAMAN PEMULA NO. R8-24-97-1990]
27 APRIL 1993

AMALAN & PROSEDUR: Perintah ex-parte - Penolong Kanan Pendaftar membenarkan pendaftaran penghakiman Mahkamah Tinggi Singapura - Samada perintah satu "interlocutory matter" - Samada perintah "decide the rights of the parties" - Samada pemberian perintah bercanggah dengan "public policy" Malaysia - KMT 1980 A. 41 k.5(1).

AMALAN & PROSEDUR: Afidavit - Permohonan pemiutang penghakiman untuk mendaftar penghakiman Mahkamah Tinggi Singapura - Afidavit sokongan tidak diikrar oleh pemiutang tetapi oleh Peguamcaranya - Samada boleh diterimapakai - Samada apa yang dideposkan hearsay - KMT 1980, A. 41 k. 5(1).

Dalam kes ini Penolong Kanan Pendaftar (PKP) telah membenarkan permohonan pemiutang untuk mendaftarkan satu penghakiman Mahkamah Tinggi Singapura bertarikh 2 April 1987. Penghutang merayu kepada Yang Arif Hakim, yang mendengar kes ini secara pendengaran semula, untuk mengenepikan perintah tersebut.

Dalam rayuannya penghutang antara lain berhujah bahawa printah PKP di atas harus diketepikan kerana tidak wujud apa-apa keterangan sokongan terhadap permohonan pemiutang. Fakta kes menunjukkan bahawa permohonan pemiutang tersebut disokong oleh afidavit seorang Arumugam Deva Raja, iaitu Peguamcara pemiutang di Singapura. Penghutang bagaimanapun berhujah bahawa afidavit tersebut tidak boleh diterimapakai oleh kerana pertama, afidavit tersebut mengandungi kesilapan fakta yang material dan kedua apa yang dideposkan di dalamnya itu adalah hearsay dan berlawanan dengan peruntukan A. 41 k. 5(1) KMT. Dan bagi menyokong hujahnya penghutang mengemukakan kes "*The Ocean Jade*" [1991] 2 MLJ 385.

Isu penting yang timbul adalah pertama, samada wujud bukti-bukti untuk menyokong saman pemula *ex-parte* pemiutang dan jika tidak,

samada terdapat lain-lain sebab mengapa penghakiman tersebut tidak patut didaftarkan.

Diputuskan:

[1] Perintah yang dibuat oleh PKP adalah dibuat setelah dibuktikan dengan sokongan keterangan dan bukti yang cukup. Apa yang dikatakan kesilapan dalam jumlah penghakiman itu adalah kesilapan menaip kerana meninggalkan angka 70 sen menjadikan jumlahnya tidak betul. Mahkamah tidak akan mengambil kira kesilapan taip sedemikian kerana pembetulan boleh dibuat dengan mudah dan tidak memprejudiskan pihak lain.

[2] Walaupun A. 41 k. 5(1) KMT menyebut "affidavit may contain only such facts as the deponent is able of his own knowledge to prove", Aturan tersebut mengecualikan prosiding interlokutori "which do not decide the rights of the parties". Kes di hadapan PKP adalah satu kes "interlocutory matter" oleh kerana perintah PKP tersebut adalah perintah *ex-parte* dimana penghutang bebas dalam masa 14 hari untuk mengenepikannya. Dalam lain perkataan perintah tersebut bukan satu perintah engkar yang "decide the rights of the parties" dan adalah termasuk dalam pengecualian Aturan 41 k. 5(1) KMT.

[3] Walauapapun, di atas fakta kes, afidavit Arumugam Deva Raja adalah boleh diterimapakai oleh kerana beliau layak untuk mendepos afidavit yang dibuatnya. Fakta menunjukkan bahawa pemiutang diwakili oleh firma Lovelace & Hastings dan Arumugam adalah rakan kongsi dalam firma tersebut. Dengan itu beliau mengdepos afidavitnya itu sebagai seorang yang mengetahui kes ini selaku Peguamcara kepada pemiutang di Singapura.

[4] Kes "*The Ocean Jade*" yang dikemukakan oleh penghutang untuk menolak afidavit Arumugam tidak berkenaan oleh sebab dalam kes itu punca afidavit tidak dinyatakan dan dengan itu boleh dibezakan dengan kes ini di mana "source" afidavit adalah nyata iaitu penghakiman bertarikh 2 April 1987 di Mahkamah Singapura. Tidak ada tuduhan perayu bahawa perintah Mahkamah di Singapura dipalsukan. Selain itu, dari otoriti kes *The Aspinall Curzon Ltd v. Khoo Teng Hock* [1991] 2 MLJ 484 adalah jelas bahawa keputusan PKP juga tidak bertentangan dengan "public policy" Malaysia.

[Rayuan di tolak].

Kes-kes yang dirujuk:

The Ocean Jade [1991] 2 MLJ 385 ***(dibezakan)***

The Aspinall Curzon Ltd. lwn. Khoo Teng Hock [1991] 2 MLJ 484 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 41 k. 5(1)

Kaedah-Kaedah Mahkamah Agung (UK)

Bagi pihak perayu / penghutang penghakiman - Wu Tern Yue; T / n. K. C Yap Kamaludin & Partners

Bagi pihak responden / pemiutang penghakiman - P. Pereira; T / n. Skrine & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Haji Abu Mansor bin Ali H:

Penghutang-penghakiman merayu terhadap keputusan yang saya beri pada 10 Disember 1992 (lampiran 13) menolak rayuannya dengan kos. Rayuan ini berbangkit daripada penolakan oleh Penolong Kanan Pendaftar, permohonan penghutang-penghakiman untuk mengenepikan satu pendaftaran penghakiman oleh Mahkamah Tinggi Singapura bertarikh 2 April 1987. Rayuan dihadapan saya adalah pendengaran sekali lagi (by way of rehearing).

Permohonan dihadapan Penolong Kanan Pendaftar ialah bertarikh 19 Disember 1990 lampiran (2). Afidavit menyokong diikrar oleh Arumugam Deva Rajah lampiran (1) menyokong permohonan *ex-parte* dalam lampiran (2) yang memohon untuk pendaftaran. Daripada permohonan lampiran (2) satu perintah pendaftaran seperti dipohon telah diberi oleh Penolong Kanan Pendaftar pada 21 Februari 1991 lampiran (6) dan lampiran (8) telah difailkan untuk mengenepikan perintah *ex-parte*.

Pihak-pihak dihadapan saya dalam rayuan ini mengatakan ada 2 isu sahaja yang perlu diputuskan:

(1) Samada ada bukti-bukti untuk menyokong saman pemula *ex-parte* lampiran (2) pada masa Penolong Kanan Pendaftar membuat perintah bertarikh 21 Februari 1991 lampiran (6). Dalam lampiran (8) perayu memohon diketepikan perintah *ex-parte* pada 21 Februari 1991. Lampiran (8) bertarikh 21 Ogos 1991 ditolak oleh Penolong Kanan Pendaftar pada 28 Mac 1992 dan rayuan ini dimasukkan pada 31 Mac 1992.

(2) Terdapat sebab-sebab lain mengapa penghakiman tersebut tidak patut didaftarkan.

Mula-mulanya penghutang-penghakiman merujuk kepada afidavit Arumugam Deva Rajah bertarikh 19 Disember 1990 lampiran (1) yang menyokong lampiran (2) dimana perintah bertarikh 21 Februari 1991 telah dikeluarkan.

Didalam lampiran (1) para 3(a) Arumugam menyebut jumlah penghakiman S$654,754.20 dalam tukaran wang Malaysia yang dikira pada tarikh penghakiman pada 2 April 1987 atas kadar S$100 kepada RM117 berjumlah RM770,645.69 bersama dengan bunga pada kadar 7½% setahun dengan pengiraan bulanan daripada 26 Oktober 1986 hingga 2 April 1987 berjumlah RM25,516.63 dan kos berjumlah RM529.65.

Peguam perayu berhujah jumlah diatas adalah salah kerana kadar pertukarannya salah. Pemiutang-penghakiman telah memfailkan afidavit oleh Anantham Kasinather lampiran (10) yang mengakui kesilapan itu. Peguam berhujah lagi afidavit pembetulan lampiran (10) difailkan oleh Peguam yang lain dalam firma Skrine & Co. Jika pembetulan hendak dibuat ianya perlu dibuat oleh deponen yang sama bukannya oleh seorang yang beramal di Malaysia.

Peguam perayu menambah afidavit lampiran (1) adalah 'hearsay' dan tidak mematuhi Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi, 1980 oleh sebab dalam lampiran (1) ada menyebut perkataan-perkataan "saya diarahkan dan benar-benar percaya" dan mengikut maklumat. Didalam perenggan 6 pula menyebut "saya dinasihati dan benar-benar percaya". Walhal afidavit ini diikrarkan oleh Peguam pengamal di Malaysia dan bukannya oleh pemiutang-penghakiman di Singapura.

Perayu dalam hujahnya merujuk kepada Aturan 41 Kaedah 5(1) - "affidavit may contain only such facts as the deponent is able of his own knowledge to prove". Pengecualian ialah dalam prosiding interlocutory "which do not decide the rights of the parties" tetapi kes ini tidak termasuk dalam pengecualian. Peguam mengulang lagi afidavit (1) sepatutnya diikrar oleh pihak pemiutang sendiri sama ada seorang pegawai yang mengetahui kes ini yang telah diberi kuasa oleh pemiutang-penghakiman dan bukan seorang Peguam berpandukan rekod-rekod sahaja.

Peguam perayu telah mengemukakan dalam hujahnya kes "*The Ocean Jade*" [1991] 2 MLJ 385, dimana didalam kes ini Hakim Karthigesu J. telah menyebut:

> The equivalent English rule is O. 75 r. 20(3). The note in the 1991 Supreme Court Practice (White Book) under this r. 75/21/3 reads as follows:
>
> > It should be noted that before judgment in default can be obtained under this rule, the Court must 'be satisfied that the applicant's claim is well founded'. It is therefore necessary for the applicant's case be properly proved.

Hakim tidak mengatakan seorang Peguam tidak boleh membuat ikrar tetapi telah memutuskan dimuka 398:

> ... O. 41 r. 5(1) and (2) of the Rules of the Supreme Court 1970 require that an affidavit may contain only such facts as the deponent is able of his own knowledge to prove ...

Peguam perayu menghujah lagi oleh sebab afidavit lampiran (1) tidak boleh digunakan, maka tidak ada keterangan menyokong permohonan lampiran (2). Maka kata beliau perkara penghakiman ini mestilah diketepikan (set aside). Hujah ini patut dipakai juga kepada lampiran (10) yang telah diikrarkan oleh seorang Peguam lain diatas pembetulan jumlah faedah dan afidavit ini menyalahi Aturan 41(5) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan Peguam memohon rayuan ini dibenarkan.

Saya menolak rayuan penghutang-penghakiman oleh sebab saya berpendapat perintah dalam lampiran (2) telah dibuat setelah dibuktikan dengan keterangan.

Didalam lampiran (10) telah menerangkan yang dikatakan kesilapan itu didalam afidavit Bahasa Malaysia kesilapan menaip telah berlaku dimana telah meninggalkan 70 sen maka angka atau jumlahnya tidak betul. Selain daripada itu perintah didalam kes ini telah dibuat dengan sokongan keterangan dan bukti yang cukup. Selalunya Mahkamah tidak mengambilkira apabila ada kesalahan taip sedemikian dan pembetulan dibuat dengan mudah sahaja dan tidak memprejudicekan pihak lawan. Berhubung dengan Peguam lain dari Skrine memfailkan afidavit (10) terdapat pertukaran Peguamcara dan punca maklumat kepada afidavit lampiran (10) ada dieksibitkan sebagai "AK-l".

Saya menerima hujah pemiutang yang kes dihadapan Penolong Kanan Pendaftar adalah

satu kes "interlocutory matter". Ini adalah disebabkan perintah Penolong Kanan Pendaftar bertarikh 21 Februari 1991 adalah perintah *ex-parte* dimana penghutang bebas dalam masa 14 hari, memohon mengenepikan perintah dan bukan perintah engkar yang "decide the rights of the parties".

Saya juga bersetuju dengan hujah pemiutang yang afidavit lampiran (1) yang menyokong ada 'sources' nya:

(i) punca 'source' yang disandarkan ialah penghakiman (order) bertarikh 2 April 1987 Mahkamah di Singapura "ADR-l" lampiran (1).
(ii) Deponent mengatakan penghakiman di Singapura membawa bersamanya faedah 8% - ini biasa dan Aturan dilampir sebagai "ADR-2".

Saya juga tidak dapat menerima penghujahan bahawa Peguam Arumugam Deva Rajah tidak layak mendepos afidavit yang dibuatnya oleh sebab pemiutang atau judgment creditor di-wakili oleh firma Lovelace & Hastings dan Arumugam Deva Rajah adalah rakan kongsi didalam firma itu dan beliau mendepos afidavit itu sebagai seorang yang mengetahui kes ini sebagai Peguamcara (instructing Solicitors) judgment creditor di Singapura, lebih-lebih lagi semua tuntutan dihadapan Penolong Pendaftar Kanan didasar atas Perintah Mah-kamah di Singapura. Tidak ada tuduhan perayu Perintah Mahkamah dipalsukan. Saya menolak kes "*The Ocean Jade*" oleh sebab didalam kes itu punca (source) afidavit tidak dinyatakan walhal boleh dibezakan didalam kes ini source adalah nyata dan saya terima pakai lampiran (1) dan juga lampiran (10) sebagai asas yang menyokong permohonan dalam lampiran (2).

Saya juga menolak penghujahan Peguam perayu keputusan ini bertentangan dengan "public policy" of Malaysia dan saya bersetuju dengan autoriti yang disebut oleh Peguam pemiutang - The *Aspinall Curzon Ltd. v. Khoo Teng Hock* [l991] 2 MLJ 484 yang memutuskan:

(2) ... The enforcement of the UK judgment cannot be considered as against the public policy of Malaysia.

Dengan alasan-alasan yang saya beri diatas, saya tolak rayuan perayu oleh kerana tujuan judgment creditor adalah amat terang sekali berdasarkan Perintah Mahkamah Singapura yang sah dan tidak ada pula tindakan dipalsukan.

Perayu merayu ke Mahkamah Agung.